

Analisis tiga peringkat lapisan tanah liat stoneware Kampung Malangkap Kapa Kota Belud Sabah

ABSTRAK

Analisis ini membincangkan tentang bahan utama tanah liat yang digunakan oleh masyarakat kaum etnik Dusun Tindal dalam menghasilkan kraf tangan tembikar yang dipanggil sebagai kuron. Kawasan penempatan etnik Dusun Tindal yang berdekatan dengan gunung kinabalu dan kebanyakan masyarakatnya membuat perumahan di kaki bukit, pertengahan bukit dan atas bukit merupakan salah satu faktor penghasilan tembikar terhasil kerana sumber bahan aslinya mudah didapati. Dalam kajian ini pengkaji akan menerangkan estetika tembikar yang terhasil daripada setiap lapisan tanah yang terdapat dikawasan Kampung Malangkap Kapa Kota Belud yang merupakan lokasi sejarah awal penghasilan tembikar kuron tradisional dihasilkan.